

MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN BIL 2/2018
JABATAN TENAGA MANUSIA

Tarikh : **28 – 29 Ogos 2018 (Selasa & Rabu)**
Masa : **2.30 – 5.30 petang (Selasa)**
 8.00 pagi – 5.30 petang (Rabu)
Tempat : **Bilik Mesyuarat, ILP Kuala Lumpur**
Pengerusi : **Timbalan Ketua Pengarah**
Kehadiran : **Seperti di Lampiran A**

1.0 PERUTUSAN PENGERUSI

- 1.1** Pengerusi memulakan salam dan mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir pada mesyuarat ini. Pengerusi juga mengucapkan terima kasih kepada pihak ILP Kuala Lumpur kerana menyediakan kemudahan tempat mesyuarat.
- 1.2** Pengerusi memaklumkan penggabungan antara institusi latihan kemahiran di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Kementerian Sumber Manusia (KSM) akan melibatkan 32 ILJTM dan 21 ILKBS. Sehubungan itu, taburan institusi mengikut wilayah akan meningkat dan pengerusi menyarankan agar semua ILJTM untuk mengenalpasti institusi yang berhampiran dengan ILJTM masing-masing. Penyelarasaran antara JTM dan KBS juga akan dibuat berhubung penggabungan ini.
- 1.3** Mesyuarat dimaklumkan bahawa belanjawan telah dibentangkan di dalam Dewan Negara dan peruntukan latihan kemahiran di bawah KBS akan diserahkan kepada KSM pada 1 Oktober 2018.
- 1.4** Penjawatan daripada ILKBS dan ibu pejabat Bahagian Latihan di KBS akan dipindahkan secara *stock and barrel*. Penyelarasaran melibatkan keseluruhan program akan diadakan secara berperingkat.

Makluman

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN BILANGAN 1/2018

- 2.1** Minit Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan bilangan 1/2018 disahkan dengan pindaan pada penomboran.

Makluman

3.0 MAKLUMBALAS CATATAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN BILANGAN 1/2018

- 3.1 PP(KT) membentangkan maklum balas minit mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan bilangan 1/2018 seperti di **Lampiran 1.**

Makluman

- 3.2 Pengerusi mengarahkan ILJTM yang ingin menawarkan semula mana-mana program yang telah dijumudkan berdasarkan Pelan Transformasi ILJTM 2014 untuk membuat permohonan bagi mendapatkan kelulusan ibu pejabat. Permohonan mesti mengambil kira keperluan industri semasa.

Tindakan: P(ILJTM) berkenaan

- 3.3 Pengerusi mengarahkan agar diadakan perbincangan antara BPL dan BKT untuk menyelaras senarai program yang ditawarkan disetiap ILJTM bagi tujuan iklan pengambilan dan promosi.

Tindakan: P(PL) dan P(KT)

- 3.4 P (ADTEC Bintulu) memaklumkan kelulusan pelaksanaan kursus *upskilling* di Borneo adalah terhad. Pertimbangan pengerusi dipohon agar menyalurkan peruntukan OS21000 bagi membolehkan pengajar menghadiri kursus di Semenanjung supaya isu kekurangan tenaga pengajar pakar di Borneo dapat diselesaikan.

- 3.5 Mesyuarat bersetuju kursus upskilling boleh dijalankan di Borneo dengan menjemput pengajar pakar daripada ILJTM semenanjung.

Tindakan: P(KP), Pengerusi CoSE dan Pengerusi JK Kepakaran

- 3.6 Pengerusi memaklumkan syarat menghadiri kursus 7 hari setahun adalah syarat yang ditetapkan oleh KSM. Pengajar perlu kreatif menggunakan pelbagai medium bagi memenuhi syarat tersebut seperti menghadiri kursus online oleh agensi yang berkaitan.

Makluman

- 3.7 Mesyuarat dimaklumkan permohonan ILP Mersing untuk menghantar seorang pengajar menghadiri kursus PW4 di CIDB tidak dapat diangkat ke Suruhanjaya Tenaga kerana permohonan tidak lengkap. Sehubungan itu, pengerusi mengarahkan agar perbincangan di peringkat ibu pejabat dibuat untuk menyelesaikan isu ketiadaan pengajar kompeten PW4 di ILP Mersing.

Tindakan: Pengerusi CoSE Elektrik dan P(PK)

- 3.8 Pengerusi memaklumkan mesyuarat CoSE akan diadakan pada bulan Oktober dan mengarahkan agar Pengerusi CoSE untuk bersedia dengan maklumat aktiviti dan pencapaian tahun 2018 serta tindakan susulan dari perbincangan dalam mesyuarat yang lepas.

Tindakan: Semua Pengerusi CoSE

- 3.9 Mesyuarat dimaklumkan BKT dan BPP akan mengadakan mesyuarat untuk menyelaras dan mencadangkan pengerusi CoSE dan pengerusi JK Kepakaran bagi kursus yang pengerusinya telah berpencen atau berpindah ke institut lain.

Tindakan: P(KT) dan P(PP)

- 3.10 P(KT) mengingatkan agar ILJTM mematuhi syarat kemasukan pelajar kekompetenan ST secara sepenuh masa bagi mengelakkan pendaftaran pelajar ditolak oleh Suruhanjaya Tenaga.

Tindakan: Semua P(ILJTM) berkenaan

- 3.11 Mesyuarat dimaklumkan panel pemeriksa dari semenanjung boleh membantu bagi menyelesaikan isu kekurangan panel pemeriksa peperiksaan EIU di ILJTM Sarawak sekiranya panel pemeriksa mencukupi.

- 3.12 Mesyuarat bersetuju BKT perlu memohon peruntukan TNT Khas untuk pergerakan panel pemeriksa bagi pelaksanaan peperiksaan.

Tindakan: P(KT), Urusetia ST dan EIU

- 3.13 Mesyuarat bersetuju ruangan Bumiputera Sabah/Sarawak/WP Labuan pada Borang BK-T14-01 Pindaan 7 akan dipinda ruangan kepada Bumiputera Sabah/Sarawak/WP Labuan dan Lain-lain.

Tindakan: Urusetia MJPP

- 3.14 Mesyuarat memohon agar ibu pejabat menyelaras program DLKM yang boleh ditawarkan di ADTEC. Pengerusi mengarahkan agar satu mesyuarat khas diadakan bagi membincangkan penawaran program DLKM tersebut.

- 3.15 Pengerusi menyarankan agar Mesyuarat Khas diadakan bagi menyelesaikan mana-mana isu yang perlu dibincangkan/diselesaikan.

Tindakan: Pengarah Bahagian yang berkenaan

- 3.16** Mesyuarat ambil maklum sistem e-Perolehan mempunyai banyak masalah dan memberi kesan terhadap pelaksanaan latihan. Dicadangkan agar ada penyelesaian bagi menyelesaikan isu perolehan menggunakan sistem ini.

Tindakan: Cawangan Kewangan, Perolehan dan Aset JTM

- 3.17** Pengerusi meminta semua pengarah memaklumkan kepada Ketua Pengarah JTM sekiranya ada program baru yang hendak dijalankan terutamanya melibatkan VVIP sebelum kertas cadangan dihantar bagi tujuan kelulusan. Sebarang program yang hendak dijalankan perlu mendapat kelulusan KP JTM terlebih dahulu.

Tindakan: Semua P(ILJTM)

- 3.18** Mesyuarat dimaklumkan lawatan penilaian LI untuk program Diploma perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya satu kali sahaja. Pihak institut boleh melaksanakan lawatan sebanyak dua kali sekiranya ada keperluan.

Tindakan: Semua P(ILJTM)

4.0 PEMBENTANGAN STATISTIK PELAJAR BERHENTI, TANGGUH DAN GAGAL BAGI KELUARAN SESI 1/2018

- 4.1** PP(KT) membentangkan Statistik Pelajar Berhenti, Tangguh dan Gagal bagi sesi keluaran 1/2018 seperti di **Lampiran 2**.

Makluman

- 4.2** Mesyuarat bersetuju untuk memberikan sijil tahap terendah bagi mana-mana pelajar yang berhenti sekiranya layak.

Tindakan: Semua P(ILJTM)

- 4.3** P(JMTI) meminta supaya analisa dijalankan lebih terperinci bagi membolehkan jalan penyelesaian diambil untuk mengurangkan peratusan pelajar Berhenti, Tangguh dan Gagal.

Tindakan: P(KT), P(PL) dan Semua P(ILJTM)

5.0 LAPORAN VERIFIKASI PEGAWAI NAZIRAN SESI 2/2018

- 5.1** PP(KT) membentangkan Verifikasi Pegawai Naziran sesi 2/2018 seperti di **Lampiran 3**.

Makluman

- 5.2 Mesyuarat dimaklumkan penambahbaikan Modul CGPA di dalam TMS telah dilaksanakan **9 Ogos 2018** dan salah satu dari penambahbaikan tersebut ialah menyelesaikan isu memproses keputusan pelajar yang berstatus tangguh.

Makluman

6.0 PEMBENTANGAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN AKHIR SESI 1/2018 OLEH JAWATANKUASA KEPAKARAN

Jawatankuasa Kepakaran Teknologi Automotif:

- 6.1 Laporan Keputusan Peperiksaan Akhir Teknologi Automotif Sesi 1/2018 dibentangkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kepakaran Teknologi Automotif seperti di **Lampiran 4**.

Makluman

Jawatankuasa Kepakaran Kimpalan:

- 6.2 Laporan Keputusan Peperiksaan Akhir Teknologi Kimpalan Sesi 1/2018 dibentangkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kepakaran Teknologi Kimpalan seperti di **Lampiran 5**.

- 6.3 Mesyuarat dimaklumkan peratus kelulusan WQT bagi sesi 1/2018 ialah 48%. Keputusan ini masih belum mencapai KPI yang ditetapkan oleh jabatan iaitu sebanyak 50% bagi WQT.

Makluman

- 6.4 Mesyuarat dimaklumkan pihak Treasury telah mengasingkan projek-projek fizikal bagi tahun 2019 mengikut kategori kritikal atau tidak kritikal. Jabatan perlu menyediakan justifikasi secukupnya untuk mendapat kelulusan projek tersebut.

- 6.5 Mana-mana cadangan untuk penyelenggaraan peralatan atau fizikal seperti keselamatan perlu disokong oleh agensi lain untuk membantu bagi mendapatkan kelulusan Treasury.

Tindakan: P(PK) dan Semua P(ILJTM)

- 6.6 Mana-mana isu yang boleh diselesaikan secara dalaman adalah digalakkan supaya ada nilai ownership oleh pengajar dan pelajar bengkel masing-masing. Pengarah perlu menggalakkan pengajar menjadi kreatif untuk menyelesaikan isu-isu yang berkaitan dengan latihan menggunakan kaedah KMK dan sebagainya.

Tindakan: Semua P(ILJTM)

- 6.7 Mesyuarat dimaklumkan salah satu penambahbaikan untuk meningkatkan peratus kelulusan WQT, semua pengajar kimpalan akan dinilai untuk proses 3G. Keputusan penilaian bagi verifikasi kimpalan oleh pengajar akan dibentangkan dalam mesyuarat Penyelaras CoSE atau MJPP akan datang.

Tindakan: Pengerusi CoSE P(ILJTM)

- 6.8 P(ILP Pasir Gudang) memaklumkan punca asap berkepul di Bengkel Kimpalan adalah kerana suction asap tidak kuat dan pelajar tidak menggunakan corong suction dengan betul semasa latihan amali dijalankan. Pengajar perlu pastikan pelajar menggunakan corong suction mengikut SOP yang ditetapkan.

Tindakan: P(ILJTM) berkenaan

Jawatankuasa Kepakaran Teknologi Elektrik:

- 6.9 Laporan Keputusan Peperiksaan Kekompetenan Suruhanjaya Teknologi (ST) dan Unit Merinyu Elektrik (EIU) dibentangkan oleh urusetia Jawatankuasa Kepakaran Teknologi Elektrik seperti di **Lampiran 6.**

Makluman

- 6.10 Mesyuarat dimaklumkan jabatan telah mendapat kelulusan daripada ST untuk calon pengajar yang akan mengambil peperiksaan kekompetenan bagi bidang PW2/ PW4. Tarikh peperiksaan yang dicadangkan oleh ST adalah pada 1 hingga 3 Oktober 2018.

- 6.11 Mesyuarat bersetuju agar urusetia berbincang semula dengan ST tarikh baru peperiksaan iaitu pada 8 hingga 10 Oktober bagi membolehkan pengajar yang terlibat mengambil peperiksaan dalam pertandingan MySkills Pengajar. Sekiranya tidak diluluskan pengarah yang terlibat perlu putuskan keutamaan pihak institut sama ada pegawai menghadiri peperiksaan ST atau pertandingan tersebut.

- 6.12 Mesyuarat bersetuju untuk mengembalikan waran peruntukan pembangunan di bawah Program Pembangunan Kepakaran dan Latihan Semula Pengajar TVET Malaysia 2018 kepada ILP Kepala Batas untuk menjalankan Kursus Persediaan Peperiksaan Amali dan Lisan Kekompetenan Suruhanjaya Tenaga bagi bidang PW2/PW4.

Tindakan : Urusetia ST, P (PK), P(ILPKBPP) & P(ILJTM) berkenaan

- 6.13 Mesyuarat ambil maklum ketetapan bilangan hari penilaian oleh panel pemeriksa Peperiksaan Akhir ST/EIU akan mengikut bilangan calon dan peralatan yang ada di institut bermula sesi Julai 2018.

Tindakan: P(KT) dan Urusetia ST/EIU

- 6.14 Mesyuarat dimaklumkan jabatan berdepan dengan isu kekurangan panel pemeriksa peperiksaan akhir ST setiap semester kerana kekurangan pengajar kompeten ST. Mesyuarat bersetuju bilangan panel perlu selari dengan bilangan program yang ditawarkan. Sehubungan itu, semua pengarah perlu lepaskan pengajar yang dilantik sebagai panel pemeriksa.

Tindakan: P(KT) dan Urusetia ST/EIU

- 6.15 Mesyuarat dimaklumkan terdapat pindaan terkini terhadap syarat kemasukan pelajar bagi program kekompetenan ST. Mesyuarat bersetuju agar BPL menyelaraskan semula syarat kemasukan program tersebut dengan BKT dan Urusetia ST.

Tindakan: P(KT) dan Urusetia ST/EIU

- 6.16 P(ADTEC Kemaman) mohon jabatan untuk bangunkan silibus Penjaga Jentera Elektrik Voltan Tinggi. Pembangunan silibus akan melibatkan pengajar yang memiliki kekompetenan tersebut termasuk wakil pengajar dari ADTEC Bintulu.

Tindakan: P(KT), P(ADTEC Kemaman) & P(ADTEC Bintulu)

- 6.17 Mesyuarat dimaklumkan pihak ST telah bersedia dengan sistem ePerolehan bermula sesi Julai 2018. Bayaran untuk proses dan peperiksaan boleh menggunakan LO. Untuk itu, institut yang menawarkan program Elektrik perlu memasukkan kutipan wang pelajar ke dalam akaun amanah.

Tindakan: P(ILJTM) berkenaan

- 6.18 P(ADTEC Shah Alam) meminta agar kompetensi pengajar program elektrik ditingkatkan dari aspek teori.

Tindakan: CoSE Elektrik dan P(PK)

- 6.19 Mesyuarat bersetuju pusat temuduga bagi kursus Diploma Teknologi Elektrik diadakan di ILJTM yang menawarkan kursus elektrik sahaja. Bagi zon utara pusat temuduga bagi zon ini adalah di ILP Kepala Batas. BPL diminta selaraskan pusat temuduga kursus ini di zon-zon lain.

Tindakan: P(PL)

Jawatankuasa Kepakaran Teknologi Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara:

- 6.20 Laporan Keputusan Peperiksaan Akhir Teknologi Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara Sesi 1/2018 dibentangkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kepakaran Teknologi Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara seperti di **Lampiran 7**.

Makluman

- 6.21 P(ILP KBPP) diminta melantik seorang pegawai untuk mengumpul data serta melaporkan keputusan peperiksaan persijilan professional RSS bagi memudahkan perekodan di peringkat ibu pejabat.

Tindakan: P(ILP KBPP)

7.0 PEMBENTANGAN DAN PENGESAHAAN KEPUTUSAN AKHIR PELAJAR DARIPADA PENGARAH-PENGARAH ILJTM

- 7.1 Pengarah membentangkan keputusan akhir pelajar keluaran Sesi 1/2018 kepada ahli mesyuarat untuk disahkan seperti di **Lampiran 8.**

Makluman

- 7.2 Pindaan dan pembetulan dokumen persijilan melibatkan ILJTM seperti berikut:

| BIL. | ILJTM | TINDAKAN |
|------|------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1. | ADTEC Batu Pahat | Pembetulan Borang BK-T14-01 pada nama program Diploma |
| 2. | ADTEC Kulim | Pembetulan Borang BK-T14-01 pada nama program Diploma |
| 3. | ADTEC Kemaman | Pembetulan Borang BK-T14-01; kod V untuk program kemasukan SPM |
| 4. | ADTEC Jerantut | Pembetulan Borang BK-T14-01; kod V untuk program kemasukan SPM, dan pembetulan pada statistik pelajar lulus persijilan DTK |
| 5. | ILP Sandakan | Pembetulan Borang BK-T14-01, sesi keluaran adalah sesi 1/2018 |

Tindakan: P(ILJTM) berkenaan

8.0 HAL-HAL LAIN

- 8.1 Mesyuarat dimaklumkan pengecualian LI bagi program sijil hanya diberikan sekiranya pelajar mendapat tawaran menyambung latihan Tahap 4 di ILJTM atau mendapat tawaran kerja. Mesyuarat bersetuju agar tarikh ‘cut-off’ bagi pelajar yang ingin memohon DKLI kerana mendapat tawaran kerja ditetapkan seperti berikut:

- i) Pelajar yang mendapat tawaran kerja perlu membuat permohonan DKLI sebelum tarikh latihan industri bermula.

- ii) Pelajar perlu menghantar borang pengesahan lapor diri bekerja oleh majikan selewat-lewatnya dalam masa 2 minggu tarikh Latihan Industri bermula.

Tindakan: Semua P(ILJTM)

- 8.2 KPP(KT)1 membentangkan taklimat berkaitan Syarat Kelayakan Baru bagi Program Kekompetenan Elektrik dengan Suruhanjaya Tenaga seperti di Lampiran 9. Maklumat akan diedarkan melalui memo ke semua ILJTM setelah menerima surat rasmi dari ST.

Tindakan: P(KT)

- 8.3 KPP(KT)1 membentangkan taklimat berkaitan Perubahan Baharu di dalam TMS versi 3.0 bagi Modul Training seperti di Lampiran 10.

Makluman

- 8.4 Mesyuarat mencadangkan beberapa penambahbaikan terhadap TMS seperti berikut:

- a) Janaan laporan enrolmen mengikut institut dan kursus.
- b) Ketua Bahagian mempunyai akses untuk memantau masukan data kerja kursus dan peperiksaan akhir oleh pengajar.
- c) Pengasingan kelas bagi pengambilan yang melibatkan ramai pelajar untuk kursus yang sama.

Tindakan: P(KT) dan Pusat Data

- 8.5 Mesyuarat dimaklumkan bahawa BPTV menawarkan program PVMA di beberapa sekolah seluruh Malaysia. Pelajar program ini memiliki sijil Tahap 2 dan boleh menjadi potential feeder kepada program di ILJTM seperti Teknologi Perabot, Teknologi Elektrik Kuasa, Teknologi Automotif dan Teknologi Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara.

- 8.6 Mesyuarat bersetuju mana-mana ILJTM yang berminat untuk menawarkan program SKM Tahap 3 selama setahun untuk pelajar-pelajar ini boleh mengambil tindakan seperti berikut:

- a) Membuat lawatan ke sekolah-sekolah yang menawarkan program yang sama untuk melihat pelaksanaan latihan yang sebenar;
- b) Melaksanakan promosi ke sekolah-sekolah tersebut;
- c) Memohon pentauliahan program Tahap 3 secara multi-tier; dan
- d) Memaklumkan kepada ibu pejabat kapasiti bagi program Tahap 3 yang akan dijalankan.

Tindakan: P(KT) dan P(ILJTM) berkenaan

- 8.7 BKT akan memaklumkan kepada BPTV senarai ILJTM yang akan menawarkan program Tahap 3 kepada lepasan PVMA supaya pengetua sekolah berkaitan boleh mempromosikan program di ILJTM. Pengambilan bagi program ini dicadangkan pada sesi Januari sahaja.

Tindakan: P(KT) dan P(ILJTM)

- 8.8 Mesyuarat diingatkan agar semua dokumen backdated untuk menyelesaikan isu persijilan yang tertunggak di JPK dihantar segera. Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa KP JPK mohon agar isu persijilan ini dapat diselesaikan sehingga akhir tahun ini.

Tindakan: P(ILJTM) berkenaan

- 8.9 Mesyuarat dimaklumkan bermula sesi Julai 2018, pelaksanaan had kapasiti bagi pendaftaran pelajar akan berkuatkuasa melalui sistem di mana pusat tidak boleh mendaftar calon yang melebihi kapasiti yang diluluskan.

- 8.10 Semua institut yang tidak mendapat kelulusan penambahan kapasiti diminta membuat rayuan semula dengan JPK. BKT akan memohon penangguhan pendaftaran pelatih untuk mana-mana program mengikut ILJTM yang terlibat.

Tindakan: P(KT) dan P(ILJTM)

- 8.11 Pengurus meminta mana-mana ILJTM yang mempunyai enrolmen rendah agar meningkatkan program jangka pendek. Sekurang-kurangnya program ini dapat meningkatkan pendapatan akaun amanah institut.

- 8.12 Mesyuarat mencadangkan penyelesaian secara drastik perlu dibuat dengan menawarkan persijilan DTP dan DTK sahaja tanpa SKM/DKM oleh JPK sekiranya perlu meningkatkan jumlah keluaran pelajar ILJTM. Pihak institut perlu memaklumkan kepada pelajar untuk mendapatkan pinjaman latihan daripada sumber lain selain daripada PTPK.

- 8.13 P(ADTEC Shah Alam) mohon isu kapasiti rendah dapat diselesaikan dengan segera kerana ia akan memberi impak kepada keluaran graduan keseluruhan JTM. Jabatan perlu sentiasa bersedia untuk membekalkan tenaga mahir yang mencukupi untuk keperluan industri.

Tindakan: P(ILJTM) berkenaan

- 8.14** Mesyuarat dimaklumkan bahawa seorang pentadbir sistem perlu dilantik bagi setiap wilayah untuk mengesahkan keputusan senat di dalam sistem eSPKM v2.0. Mesyuarat bersetuju agar pentadbir sistem tersebut dilantik dari kalangan BKKL institut pengerusi wilayah masing-masing. Sehubungan itu, pengerusi wilayah diminta untuk memaklumkan ibu pejabat nama pegawai yang dilantik bagi tujuan tersebut.

Tindakan: Pengerusi Wilayah

- 8.15** Mesyuarat memaklumkan semua PPL perlu mengisi markah peperiksaan di dalam sistem eSPKM V2.0 di dalam tempoh yang ditetapkan, iaitu sewaktu minggu peperiksaan sahaja. Selain itu, JPK akan menganjurkan enam siri taklimat bagi penggunaan sistem eSPKM V2.0 untuk 360 pengajar. Tarikh dan lokasi taklimat akan dimaklumkan dalam masa terdekat.

Makluman

- 8.16** Mesyuarat mencadangkan agar nama program bagi beberapa kursus dipinda untuk menarik minat bakal pelajar bagi meningkatkan kemasukan pelajar kursus tersebut. P(KT) meminta agar permohonan untuk pindaan nama kursus berkenaan dihantar ke ibu pejabat dengan justifikasi bagi menyokong permohonan tersebut.

Tindakan: P(ILJTM) berkenaan

- 8.17** Mesyuarat mencadangkan agar Jawatankuasa Think-tank jabatan perlu diwujudkan semula dalam menentukan hala tuju jabatan.

Tindakan: P(PP)

PENANGGUHAN MESYUARAT

Mesyuarat ditangguhkan dan pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran semua ahli mesyuarat.